

21 SEP 1997

Mahathir-jerebu

MAHATHIR MAHU KILANG YANG KELUARKAN ASAP BERHENTI SEMENTARA

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan kilang-kilang yang mengeluarkan asap untuk memberhentikan operasi buat sementara dalam usaha membantu kerajaan mengatasi masalah jerebu yang dihadapi oleh negara sekarang.

Beliau juga mahukan kerja tanah dikurangkan dan mereka yang mengendalikan kerja itu hendaklah membasahkan tanah supaya habuk tidak naik ke udara.

Dr Mahathir memberitahu demikian kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari Tawau, Sabah untuk merasmikan kongres Parti Maju Sabah (SAPP). Beliau tiba di Tawau pagi tadi dari Hong Kong kerana menghadiri mesyuarat Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Sesetengah kilang yang mengeluarkan asap sepatutnya berhentilah, kerja korek tanah hendaklah siramkan air supaya tidak ada debu naik," kata beliau semasa diminta mengulas mengenai jerebu di negara ini.

Pada Jumaat lepas, Dr Mahathir selaku Pengarah Keselamatan Negara mengisytiharkan keadaan darurat jerebu di Sarawak setelah Indeks Pencemaran Udara di negeri itu mencecah angka 625, jauh melepasi tahap bahaya 301-500.

Perdana Menteri berkata pelbagai langkah telah diambil untuk mengatasi masalah jerebu dan buat masa ini lapan pesawat diguna untuk kerja pembersihan awan.

Ketika diberitahu bahawa catatan indeks itu menunjukkan penurunan pada kawasan-kawasan tertentu tetapi jerebu dilihat masih tebal, beliau berkata kajian perlu dibuat mengikut ukuran saintifik dan "jika kita nak buat ikut pandangan kita, susahlah."

Beliau berkata keadaan darurat di Sarawak kekal sungguhpun indeks di negeri itu telah menurun.

"Kita nak tengoklah keadaan di sana, bagilah sedikit masa, nanti bila kita tarik balik pengisytiharan itu, dia (jerebu) datang pula," katanya

Dr Mahathir berkata keadaan jerebu sukar diramal kerana "sekejap ada, sekejap tiada".

"Misalnya pada hari ini, sebelum saya sampai di Tawau, keadaan jerebu agak teruk sehingga beberapa pesawat tidak boleh mendarat, tetapi apabila saya sampai, keadaannya cerah dan pesawat boleh mendarat," katanya.

Mengenai bantuan dari negara-negara asing untuk membantu Malaysia mengatasi jerebu, Perdana Menteri berkata sungguhpun permohonan telah dibuat, sehingga hari ini hanya Perancis yang menghantar satu pasukan.

Beliau berkata mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam akan bermesyuarat esok untuk mengkaji semua usaha yang telah dibuat untuk mengatasi masalah jerebu dan langkah-langkah baru yang perlu diambil.

Dr Mahathir juga kesal dengan syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat membakar hutan di Indonesia kerana tidak tampil ke hadapan membantu mengatasi masalah yang berpunca daripada pembakaran itu.

Katanya sebanyak 18 syarikat telah dikenal pasti yang terlibat membakar hutan itu tetapi hanya Tabung Haji yang tampil ke hadapan untuk membantu.

"Yang lainnya nampaknya tidak tampil ke hadapan, mereka dah tahu kerana kita telah membuat pengumuman dalam surat khabar, dan nampak mereka tidak begitu respond untuk menolong sedangkan mereka yang terlibat" katanya.

"Sekarang kita nak tengok apa yang mereka nak buat," katanya merujuk kepada syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai usaha sama dengan syarikat-syarikat Indonesia yang terlibat dalam pembakaran hutan untuk

pembukaan ladang.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengumumkan nama-nama syarikat berkenaan jika mereka tidak tampil ke hadapan, Dr Mahathir berkata : "Yalah, tetapi dah masuk dalam surat khabar, dengan nama-nama (syarikat) Indonesianya dan kita telah banding dengan nama di Malaysia dan kita tahu siapa mereka. Kita ada lebih 40 syarikat yang terlibat dengan usaha sama tetapi katanya 18 yang bakar hutan."

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding yang turut menyambut kepulangan Perdana Menteri, telah menyerahkan laporan terkini mengenai jerebu ke Dr Mahathir.

Mengenai bantuan negara-negara luar, Law berkata selain daripada Perancis, pihaknya telahpun memohon bantuan Jepun, Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah.

"Kita telahpun menulis kepada kedutaan negara-negara berkenaan di sini," katanya. -- BERNAMA

SJA MAI